Dikemaskini pada 27 Julai 2017

KEMPEN KADAR KEUNTUNGAN SIFAR 12 BULAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i HONG LEONG
TERMA & SYARAT

KEMPEN

1. Kempen Kadar Keuntungan **SIFAR** 12 Bulan Pembiayaan Peribadi-i ("Kempen") Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") akan bermula dari 1 Mac 2017 hingga 30 September 2017, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Kempen terbuka kepada semua individu warga Malaysia yang

    a. berumur antara Dua Puluh Satu (21) hingga Enam Puluh (60) tahun;
    b. berpendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
    c. memohon Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ("HLPF-i") baharu berjumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dan sehingga Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) ("Kemudahan") bertempoh lima (5) tahun SAHAJA, secara terus melalui Laman sesawang HLISB atau Hong Leong Bank Berhad ("HLB") di www.hlisb.com.my atau www.hlb.com.my ("Laman Sesawang HL") semasa Tempoh Kempen;
    d. menerima Kemudahan dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh permohonan dalam Tempoh Kempen; dan
    e. pembayaran Kemudahan diselesaikan pada atau sebelum 31 Oktober 2017
    ("Pelanggan Layak").

3. Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana permohonan Kemudahan yang dibuat bukan melalui Laman Sesawang HL tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

4. Individu berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

    a. Kakitangan HLISB/HLB sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLISB/HLB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan Kempen) dan anggota keluarga terdekat masing-masing (iaitu pasangan, anak-anak, adik-beradik);
    b. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh HLISB/HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
    c. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB/HLB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang disyaratkan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya serta-merta daripada menyertai Kempen; dan
    d. Pelanggan bukan individu.

KAEDAH KEMPEN

5. Setiap Pelanggan Layak yang menyertai Kempen akan menerima ganjaran tunai SEKALI (1 kali) sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) ("Ganjaran Penghantaran Dalam Talian") kerana menyempurnakan proses permohonan dalam talian. Ganjaran Penghantaran Dalam Talian akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Layak yang sah dan aktif selepas enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh pembayaran Kemudahan.

6. Pelanggan Layak yang menyertai Kempen akan berhak menikmati Kadar Keuntungan **SIFAR** 12 Bulan yang akan menjimatkan keuntungan 12 bulan yang kena bayar bagi Kemudahan ("Penjimatan Keuntungan") sepanjang tempoh pembiayaan lima (5) tahun selaras dengan terma dan syarat berikut:

   a. Kadar Keuntungan **SIFAR** 12 Bulan dikira seperti contoh berikut:

Amaun Pembiayaan	Tempoh (tahun)	Kadar Keuntungan	Keuntungan Kena Bayar selama 5 tahun / 60 bulan	12 Bulan Keuntungan Kena Bayar	Jumlah Keuntungan Kena Bayar melalui Kempen ini	**Penjimatan Keuntungan**
5,000	5	12.50%	3,125	625	2,500	**625**
10,000	5	12.50%	6,250	1,250	5,000	**1,250**
20,000	5	12.50%	12,500	2,500	10,000	**2,500**
30,000	5	12.50%	18,750	3,750	15,000	**3,750**
40,000	5	12.50%	25,000	5,000	20,000	**5,000**
50,000	5	12.50%	31,250	6,250	25,000	**6,250**

   b. Pelanggan Layak yang membayar amaun ansuran bulanan Kemudahan pada atau sebelum tarikh matang setiap bulan semasa tempoh Kemudahan akan berhak menerima Penjimatan Keuntungan.
   c. Penjimatan Keuntungan.akan dibayar setiap bulan dan Penjimatan Keuntungan pertama akan dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh dibayar oleh Pelanggan Layak. Penjimatan Keuntungan yang dibundarkan kepada Ringgit Malaysia Satu (RM1) terhampir akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Layak yang aktif dan sah satu (1) hari kalendar selepas tarikh matang ansuran bulanan.
   d. Penjimatan Keuntungan akhir berserta segala pelarasan disebabkan pembayaran pembundaran sebelumnya akan dibayar enam (6) bulan sebelum ansuran akhir Kemudahan dibayar oleh Pelanggan Layak.
   e. Penjimatan Keuntungan bulanan akan dikira sebagai pembayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
   f. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memberitahu HLISB melalui surat tidak kurang dari satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan ketujuh dan/atau bulan berikutannya jika sekiranya tidak diterima Penjimatan Keuntungan bulanan, jika gagal, Pelanggan Layak dianggap telah menerima Penjimatan Keuntungan daripada HLISB dan sebarang pertikaian selepas itu tidak akan dilayani oleh HLISB.

g. Pelanggan Layak akan terlucut kelayakan daripada menerima Penjimatan Keuntungan dan pembayaran Penjimatan Keuntungan seterusnya akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku salah satu hal berikut:
   i. Pelanggan Layak gagal membayar sebarang ansuran bulanan Kemudahan pada tarikh matang, atau apa-apa jumlah wang yang terhutang di bawah Kemudahan apabila dituntut oleh HLISB;
   ii. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Layak sebelum tarikh matang dalam tempoh Kemudahan; atau
   iii. Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

UMUM

7. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak:
   a. bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat;
   b. bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang HL dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
   c. bersetuju bahawa keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayani; dan
   d. bersetuju bahawa mereka akan bertanggungawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

8. HLISB berhak:
   a. Menolak atas budi bicara mutlaknya sebarang pernohonan HLPF-i yang dikemukakan tanpa memberi sebarang sebab;
   b. Melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen; dan
   c. Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang HL atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB, dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak.

9. Terma & Syarat di dalam ini dan terma dan syarat HLPF-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat Kempen dengan terma dan syarat HLPF-i, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

10. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka terma dan syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB akan diutamakan.

11. Terma dan syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.